UUM/AA87/SH/07.08.2026/P:20(1-5)



Majoriti penduduk Bukit Malut ada MyKad

Penempatan penduduk di Bukit Malut sering dikaitkan dengan perkampungan pendatang warga asing.

92 peratus adalah warga Malaysia, bukan penempatan etnik Rohingya

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

LANGKAWI – Lebih 92 peratus penduduk di Bukit Malut di sini memiliki MyKad, sekali gus menepis persepsi kawasan itu adalah penempatan etnik Rohingya.

Pensyarah Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mohd Na'eim Ajis berkata, hasil bancian dijalankan pihak berkuasa mendapati, majoriti penduduk merupakan masyarakat Melayu Islam Kedah (MIK).

Menurutnya, masyarakat itu sudah berada di Langkawi sejak lebih empat dekad lalu dan berasimilasi dengan masyarakat setempat.

"Apa yang mahu dijelaskan ialah mereka ini penduduk asal Tanah Melayu dan Bukit Malut bukan penempatan atau lokasi pendaratan etnik Rohingya seperti diperkatakan.

"Fakta bancian mendapati lebih 92 peratus daripada 5,000 penduduk memiliki MyKad, bermakna mereka adalah pengundi dan warga Malaysia," katanya ketika ditemui di Bukit Malut di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kawasan itu yang sering dikaitkan dengan persepsi negatif termasuk dakwaan penempatan 15,000 etnik Rohingya sehingga membimbangkan penduduk asal Langkawi.

Jelas Mohd Na'eim, sebahagian generasi kedua dan ketiga masyarakat MIK turut berkhidmat dalam sektor awam termasuk guru, polis dan tentera.

Menurutnya, berdasarkan rekod rasmi, masyarakat MIK tiba di Langkawi sekitar 1980 melalui laluan laut dan pintu sempadan Bukit Kayu Hitam serta Sungai Golok sebelum jumlah mereka terus berkembang sehingga 2010.

"Masyarakat ini mempunyai kaitan sejarah dengan kerajaan Kedah Tua meliputi Tanah Sari yang kini berada di selatan Myanmar dan dikenali sebagai masyarakat Melayu Burma.

"Ketika Perang Dunia Kedua pula, kira-kira 70,000 rakyat Tanah Melayu dibawa ke Burma bagi membina landasan kereta api maut dan sebahagian mereka berjaya melarikan diri daripada tentera Jepun sebelum kembali semula ke negara ini," ujarnya.



MOHD NA'EIM

Tambah beliau, pelbagai naratif tidak tepat terus disebarkan mengenai Bukit Malut termasuk dakwaan kawasan berkenaan menjadi penempatan etnik Rohingya dan lokasi berlakunya kegiatan jenayah serta penyalahgunaan dadah, namun rekod kes jenayah adalah terkawal sepanjang tempoh lima tahun lalu.

Menurutnya, kerajaan seharusnya memberi tumpuan kepada usaha mengasimilasikan masyarakat MIK dengan komuniti Melayu tempatan kerana mereka berkongsi agama, budaya dan bahasa sama.

Selain itu katanya, lebih banyak program melibatkan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta institusi pengajian tinggi perlu dianjurkan di Bukit Malut bagi membantu pembangunan modal insan dan pendidikan anak-anak penduduk.

"Persepsi masyarakat luar terhadap Bukit Malut perlu diperbetulkan kerana kawasan ini sebenarnya selamat untuk dikunjungi.

"Penduduk di sini berkemahiran tinggi dalam bidang perikanan yang sepatutnya dimanfaatkan kerajaan," katanya.

Beliau menegaskan, tidak adil untuk masyarakat MIK terus dilabel berdasarkan persepsi semata-mata memandangkan asal usul nenek moyang mereka mempunyai kaitan dengan Tanah Melayu khususnya Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

"Mereka sudah berada di Langkawi lebih 40 tahun. Persoalannya, adakah mereka benar-benar menjadi ancaman atau naratif itu sengaja dicipta oleh pihak tertentu," ujarnya.